

**12 dari 14 ketua bahagian Umno di Kelantan dicabar  
Malaysian Insider  
Sept 9 , 2013**

Dua belas daripada 14 bahagian Umno di Kelantan bakal menghadapi persaingan sengit apabila ketua mereka akan dicabar dalam pemilihan kali ini termasuk Tengku Razaleigh Hamzah di Gua Musang.

Menurut akhbar Berita Harian, hanya Ketua Bahagian Umno Jeli dan Ketereh dijangka tidak menghadapi pertandingan pada kali ini.

Jeli diketuai Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketereh oleh Tan Sri Annuar Musa.

Sebelum ini ada desas-desus Mustapa juga mungkin ditentang Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bukit Bunga, Mohd Adhan Kechik.

Bagaimanapun, Mohd Adhan kemudian menafikannya.

Mustapa sudah memegang jawatan Ketua Umno Bahagian Jeli sejak lima penggal lalu tanpa ditandingi.

Kedudukan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Ketua Umno Bahagian Gua Musang sejak 1962 dijangka dicabar buat pertama kali dalam pemilihan parti kali ini.

Cabar Tengku Razaleigh

Ketua Pemuda Umno bahagian itu, Datuk Bazlan Baharuddin dikatakan sudah membuat keputusan mencabar Tengku Razaleigh yang memimpin bahagian itu dari 1962 sehingga menubuhkan parti Semangat 46 pada 1986.

Selepas menyertai semula Umno pada 1996, Tengku Razaleigh yang juga Ahli Parlimen Gua Musang kembali memimpin bahagian itu dan tidak pernah dicabar.

Jumaat lalu, Tengku Razaleigh pada sidang media di Kuala Lumpur, memaklumkan beliau sedang memikirkan secara serius sama ada mahu menawarkan diri untuk bertanding jawatan penting dalam parti, termasuk jawatan presiden bagi mencabar Datuk Seri Najib Razak.

Pemilihan Umno kali ini dilakukan secara terbuka dan tidak memerlukan sebarang pencalonan seperti masa lampau.

Perebutan paling hangat dijangka di Rantau Panjang. Penyandanginya, Datuk Abdullah Mat Yasim dijangka ditentang beberapa pemimpin lain, termasuk timbalannya, Datuk Shaari Mat Hussain dan Datuk Mohd Zain Ismail.

Kekecohan yang berlaku ketika persidangan cawangan di bahagian itu menyebabkan persidangannya dibatalkan oleh Badan Perhubungan Umno Kelantan pada 25 Ogos lalu dan akan diadakan semula selepas 15 September ini.

Pembatalan itu dibuat disebabkan menerima banyak bantahan kerana didakwa tidak

mengikuti prosedur persidangan.

Kedudukan Ketua Bahagian Umno Machang, Datuk Ahmad Jazlan Yaakub, juga belum selamat kerana dikatakan akan dicabar bekas Ahli Parlimen Machang, Datuk Sazmi Miah.

Calon Barisan Nasional (BN) Parlimen Pasir Mas, Johan Che Pa yang digantung daripada bertanding dalam pilihan raya umum (PRU) atau pilihan raya kecil selama 15 tahun, turut dikatakan memasang niat mencabar penyandang Ketua Bahagian Pasir Mas, Datuk Hanafi Mamat.

Johan, Timbalan Ketua Umno bahagian Pasir Mas, menarik diri pada hari penamaan calon apabila tidak menyerahkan borang pencalonan kepada pegawai pengurus di pusat penamaan calon menyebabkan namanya sebagai calon di Parlimen itu digugurkan.

Penyandang Ketua Bahagian Umno Pasir Puteh, Datuk Zawawi Othman pula dijangka akan dicabar bekas ketua bahagian itu, Datuk Kamaruddin Mohd Noor.

Bekas Ketua Penerangan Umno Kelantan, Datuk Supardi Md Noor, berkemungkinan akan mencabar ketua bahagian Tanah Merah, Datuk Ikmal Hisham Abdul Aziz. – 9 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/12-dari-14-ketua-bahagian-umno-di-ke-lantan-dicabar>